

Shah Alam

Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di sini berjaya merekodkan kehadiran lebih 100,000 pelancong sepanjang tahun lalu, sekali gus mengukuhkan kedudukannya sebagai antara destinasi ikonik pelancongan Islam negara.


Imam Besar Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Datuk Muhammad Farhan Wijaya berkata, angka berkenaan merangkumi kunjungan pelancong antaranya dari Eropah, Asia Barat dan Asia Timur, khususnya dari Jepun serta China yang melawat ke Selangor atau Lembah Klang.

Beliau berkata, pencapaian itu mencerminkan peningkatan ketara minat pelancong terhadap pelancongan berasaskan masjid, selari dengan usaha berterusan dalam memperkasakan fungsi masjid yang bukan sahaja sebagai tempat ibadah, malah sebagai destinasi ilmu, budaya dan seni bina Islam.

"Peningkatan jumlah pelawat ini menunjukkan masjid bukan sekadar tempat ibadah, tetapi turut berperanan sebagai ruang menyebarkan keindahan Islam kepada semua.

"Kita melihat minat yang tinggi, terutama dalam kalangan pelancong bukan Islam

Tarik 100,000 pelancong



PENINGKATAN jumlah pelawat menunjukkan masjid bukan sekadar tempat ibadah, tetapi turut berperanan sebagai ruang menyebarkan keindahan Islam.

untuk memahami seni bina, sejarah serta nilai Islam yang bersifat sejagat," katanya dalam satu kenyataan kelmarin.

Muhammad Farhan berkata, selain faktor seni bina, program pelancongan masjid yang dikendalikan oleh

Masjid Negeri Selangor Guide (MNSG) yang tersusun turut menyumbang kepada peningkatan jumlah

kunjungan.

Beliau berkata, pihak masjid juga menjalin kerjasama dengan agensi pelancongan,

institusi pendidikan, penggiat industri serta badan bukan kerajaan (NGO) bagi memastikan pengalaman lawatan bersifat informatif, beretika dan menghormati sensitiviti ibadah.

"Sepanjang tahun lalu, pelbagai inisiatif diperkenal termasuk sesi lawatan berpandu, penganjuran Mosque Open Day, taklimat pelancongan masjid serta program penerangan Islam secara santai mesra pelawat.

"Dalam konteks pembangunan pelancongan negeri, pencapaian itu selari dengan aspirasi Selangor untuk memperkukuh segmen pelancongan berasaskan budaya dan warisan Islam. Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah dilihat memainkan peranan strategik sebagai 'pintu masuk' kepada naratif pelancongan Islam yang lebih inklusif, sekali gus menyumbang kepada ekonomi setempat," katanya.

Muhammad Farhan berkata, untuk tahun ini, Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah menyasarkan untuk terus memperkasakan pelancongan berasaskan masjid secara lebih berstruktur dan mampan.